

WAR 07 PENSIJILAN MAKANAN HALAL DI BRUNEI DARUSSALAM

Norziah Othman, Surianom Miskam, Dr.Nor' Adha Ab. Hamid, Syaripah Nazirah Syed Ager, Marliana Abdullah, Farah Mohd. Shahwahid, Norazla Abdul Wahab, Wawarah Saidpudin

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

norziah@kuis.edu.my, surianom@kuis.edu.my, noradha@kuis.edu.my,
nazirah@kuis.edu.my, marliana@kuis.edu.my. farahms@kuis.edu.my,
norazla@kuis.edu.my, wawarah@yahoo.com.

ABSTRAK

Skop halal bagi umat Islam bukan sekadar sebuah jenama malah sebahagian daripada sistem kepercayaan dan nilai Islam yang perlu diamalkan dalam kehidupan seharian. Industri halal kini menjadi agenda penting yang menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara khususnya dan seluruh dunia amnya. Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang sangat menitikberatkan aspek halal dalam penggunaan termasuk pemakanan, perubatan, kosmetik dan sebagainya dengan menguatkuasakan pensijilan halal bagi produk berkaitan. Pengiktirafan badan tertentu dalam pensijilan halal ditentukan demi kesejahteraan ummah. Kertas kerja ini menyingkap aktiviti pensijilan makanan halal di Brunei Darussalam merangkumi proses pensijilan halal yang melibatkan badan tertentu iaitu Majlis Agama Islam Brunei (MUIB). Temu bual yang dijalankan dengan seorang pegawai yang bertanggungjawab di Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH). Akta yang terlibat daripada segi perundangan juga turut dibincangkan selain daripada aktiviti pemantauan yang dijalankan. Prosedur melibatkan proses penilaian, carta alir permohonan permit dan logo halal turut dibincangkan dalam kertas kerja ini. Permohonan kepada pensijilan makanan halal di Brunei Darussalam kini menunjukkan peningkatan yang amat baik terutamanya dalam kalangan pengeluar produk makanan, kosmetik dan pengusaha restoran. Perubahan yang positif ini adalah kesan daripada kesedaran dalam kalangan pengguna yang semakin cenderung dengan produk berstatus halal.

Kata kunci: pensijilan makanan halal, pengguna, produk berstatus halal.

Pengenalan

Brunei Darussalam merupakan sebuah negara kecil yang hanya berkeluasan 5765 kilometer persegi (2226 batu persegi) yang terbahagi kepada empat buah daerah dengan setiap daerah dibahagikan pula kepada 40 buah mukim. Pengeluaran minyak mentah dan gas asli membentuk hampir separuh daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara Brunei. Pendapatan yang cukup besar daripada pelaburan luar negeri menambah pendapatan daripada pengeluaran dalam negeri. Jumlah penduduk Brunei adalah seramai 395 027 orang dengan 66.3% iaitu meliputi dua pertiga penduduk Brunei adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam.

Islam ialah agama rasmi Brunei dan Sultan Brunei merupakan ketua agama negara itu. Sebagai sebuah negara Islam yang mengamalkan hukum syariah, jualan dan penggunaan alkohol adalah diharamkan tetapi orang luar dan bukan Islam dibenarkan membawa 12 tin bir dan dua botol spirit setiap kali mereka masuk ke negara ini.

“Macam kita pun dah banyak kawalan, sebab arak pun tak boleh masuk. Kalau ada pun, macam orang bukan Islam, mereka ada kuota. Ada limit. Itu pun tak boleh bawa ke mana-mana. Memang personal kat situ sahaja. Kalau beli pun, kat rumah je, tak boleh bawa keluar masuk restoran semua. Di hotel tak ada. Kecuali dia bawak seludup.”

P 1(Z):35 para 12

Puan Zurina (P 1(Z)) selaku wakil BKMJ ketika ditemubual memaklumkan bahawa Majlis Agama Islam Brunei (MUIB) adalah pihak yang bertanggungjawab mengeluarkan dan memperakui sijil halal di Brunei. Namun BKMJ di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah dipertanggungjawabkan memproses setiap permohonan termasuklah menjalankan operasi pemantauan dan penguatkuasaan.

“Yang mengeluarkan sijil halal tu adalah Majlis Ugama Islam Brunei. Sijil halal memang semuanya daripada Majlis. Tapi penguatkuasaan dan kawalan semua tu di bawah BKMJ”

P 1 (Z):7 para 5

Terdapat dua akta yang berkaitan pensijilan halal di Brunei Darussalam iaitu

i. Akta Daging Halal yang menguruskan daging mentah yang diimport ke Brunei. Bekalan daging tempatan yang sedia ada adalah tidak mencukupi. Ekoran daripada itu, kini terdapat lebih 40 pusat penyembelihan di luar negara yang telah diiktiraf oleh MUIB termasuk di Malaysia, Australia, India, China, Jordan, Filipina dan Indonesia.

ii. Akta Perintah Sijil Halal yang menguruskan permohonan restoran dan premis perniagaan. Perintah sijil halal ini telah dikuatkuasakan pada tahun 2008 walaupun perintah ini telah dikeluarkan sejak tahun 2005. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mewartakan permohonan halal perlu sebelum mendapatkan lesen perniagaan. Oleh itu setiap restoran atau premis makanan di Brunei wajib memohon sijil halal. Tahun permulaan 2008 menyaksikan tidak banyak lagi restoran yang memiliki sijil halal. Namun mulai tahun 2014 kadar permohonan sijil halal telah meningkat melebihi 100 unit.

Prosedur Mendapatkan Sijil Halal.

Permohonan pensijilan halal di Brunei boleh dibuat terus kepada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). Permohonan adalah secara manual dengan mengisi sendiri borang yang berkaitan. Tiada bayaran dikenakan bagi setiap permohonan.

“Dia kena datang sendiri ke BKMJ untuk memohon sijil halal untuk buka restoran dan lain-lain. Sekarang masih pakai manual”

P 1(Z):8 para 5

Pemohon atau pemilik premis tidak semestinya beragama Islam. Namun pemilik premis perlu memastikan ramuan yang diperlukan dalam penyediaan dan penghasilan produk adalah 100% halal. Pemilik premis juga dikehendaki melantik sekurang-kurangnya dua orang penyelia daripada kalangan pekerjaannya.

“Penyelia tu dibayar oleh company tu sendiri tetapi perlu attach dengan BKMJ. Mereka ni tak semestinya tukang masak, pelayan pun boleh, manager dia ke,.. sekurang-kurangnya dalam satu restoran tu ada dua orang. Jadi BKMJ dah ada nama setiap orang ni.”

P 1(Z):21 para 10

Pelantikan ini memenuhi Kehendak-Kehendak Permit Halal di bawah Bab 10(1) Perintah Sijil Halal dan label Halal, 2005 perkara 1 (Tempat Perniagaan) muka surat 4;

“Pemilik hendaklah memastikan Tempat Perniagaan itu mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) orang Penyelia Makanan Halal yang telah diperakui oleh Majlis Agama Islam.”

Penyelia ini dibayar gaji oleh pemilik premis itu sendiri namun perlu bekerjasama dengan BKM. Penyelia ini perlu melepasi ujian bertulis dan lisan yang ditetapkan oleh BKM. BKM akan merekodkan nama setiap orang penyelia ini bagi memudahkan urusan pemantauan nanti. Peranan penyelia ini adalah penting kerana sebagai wakil BKM, mereka perlu melaporkan sebarang ketidakpatuhan yang wujud di premis tersebut.

“Ada ujian lisan, kalau sekiranya penyelia tak lulus, kita boleh buat ujian ulangan, atau tukar orang. Penyelia makanan halal ni company yang lantik dan hantar kepada BKM. Biasanya soalan based on soalan keagamaan dan kebersihan”

P 1 (Z):28 para 12

Penyelia ini diberikan taklimat dan bimbingan serta kesedaran akan tanggungjawab sebagai wakil rasmi BKM. Ujian secara bertulis dan lisan diadakan sebagai syarat utama menjadi penyelia selain kelayakan utama perlu beragama Islam . Ini disebabkan oleh soalan ujian adalah berkait rapat dengan agama Islam seperti rukun Islam, dan sebagainya.

Permohonan sijil halal boleh ditolak oleh MUIB jika sekiranya syarat pelantikan penyelia tidak dipatuhi selain daripada faktor kesihatan dan kebersihan.

“Kalau tak lulus kesihatan, kita tolak. Yang tak lulus kesihatan tu masa kita audit. Kadang-kadang masa laporan sampai di mesyuarat jawatankuasa pemeriksaan sebab kita ada jabatan kesihatan. Permohonan tak lengkap pun kita tolak. Penyelia pun mesti ada sijil dari kesihatan jadi mesti didapati sihat. Kalau dinyatakan tidak sihat, maka tidak dibenarkan untuk jadi pelayan dan kerja di restoran. Kalau penyelia tak cukup 2 orang, tu pun tak boleh, walau pun cukup ramuan semua tu.”

P 1 (Z):40 para 16

Tidak dinafikan terdapat permohonan yang ditolak disebabkan oleh faktor kesihatan dan kerjasama. Jabatan kesihatan dipertanggungjawabkan memeriksa kesihatan pekerja. Pekerja yang didapati tidak sihat tidak dibenarkan menjadi pelayan dan bekerja di restoran. Bilangan penyelia yang tidak mencukupi dua orang juga boleh menyebabkan permohonan ditolak selain daripada ramuan yang mencurigakan status halal.

Selepas tiga bulan permohonan dibuat, Juruaudit Pematuhan Halal akan dilantik daripada kalangan kakitangan kerajaan di bawah Garis Panduan Pensijilan untuk Sijil Halal dan label Halal Brunei Darussalam (BCG Halal). Individu yang kompeten atau berkebolehan secara teknikal dalam mengaudit prosedur dan keperluan Halal terutamanya dalam bidang teknologi pemprosesan makanan dilantik secara formal oleh Menteri atas perkenan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sebagai pemeriksa di bawah Perintah Sijil Halal dan label Halal, 2005.

Setiap lantikan audit terdiri daripada 4 orang atau sekurang-kurangnya 3 orang yang diketuai oleh pegawai agama dan pegawai teknikal yang terdiri daripada pegawai makanan dan pegawai sains.

Dua orang penyelia yang dilantik oleh premis dan diperakui oleh MUIB akan membantu juruaudit daripada segi pelaporan dokumen seperti lesen dan sijil-sijil lain.

“Penyelia yang kita lantik tu mesti bantu daripada segi dokumen seperti sertakan lesen dan sijil-sijil lain. Lepas tu audit lapangan kita turun restoran check tempat dan ramuan semua. Lepas tu kita buat laporan ke jawatankuasa pemeriksaan. Kita ada meeting untuk membincangkan fail tu”

P 1(Z):30 para 12

Audit lapangan ke restoran atau premis perlu dijalankan bagi mengenal pasti jenis ramuan yang digunakan. Laporan kepada jawatankuasa pemeriksaan akan dibuat dan satu mesyuarat kemudiannya diadakan bagi membincangkan permohonan ini. Jawatankuasa pemeriksaan kemudiannya membuat laporan kepada Majlis Ugama Islam Brunei.

Apabila MUIB meluluskan permohonan ini, maka BKMh akan mengeluarkan sijil dan permit halal. Sijil dan permit perlu ditandatangani oleh MUIB sebelum diserahkan kepada pemohon. Pemohon yang diluluskan oleh Majlis akan dikenakan bayaran tiga puluh ringgit (B\$30) bagi setiap Sijil Halal dan lima puluh ringgit (B\$50) bagi setiap permit Halal. Bagaimanapun sijil Halal hanya sah dalam tempoh satu tahun dari tarikh ia dikeluarkan dan pembaharuan Sijil Halal hendaklah dibuat tidak kurang dari 30 hari sebelum tarikh tamat tempoh. Bayaran untuk memperbaharui atau menggantikan sijil halal adalah B\$30.00. Setelah permit halal dikeluarkan, Label Halal hendaklah digunakan pada setiap bungkusan atau kotak makanan yang berkenaan.

Pemegang permit boleh memohon kebenaran Majlis berkaitan perubahan terhadap pemilikan perniagaan atau terhadap perkara-perkara lain. Juruaudit akan menjalankan audit pematuhan terhadap tempat perniagaan dan menganalisis sebarang makanan dan satu laporan hendaklah dihadapkan oleh juruaudit kepada jawatankuasa. Permit baharu akan dikeluarkan dengan kebenaran kepada pemohon menggunakan Label Halal pada bungkusan makanan tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkan wajar oleh Majlis.

Secara puratanya proses permohonan sijil halal di Brunei mengambil masa sekurang-kurangnya tiga bulan. Namun terdapat usaha untuk mempercepatkan tempoh permohonan tersebut kepada sebulan berbanding sebelum ini yang mengambil masa sehingga setahun.

“Purata tiga bulan lah. Sekarang cuba dipercepatkan lagi. Mungkin sebulan. Sebulan sampai habis audit dan laporan jawatankuasa pemeriksaan. Selebihnya kami tak dapat kawal. Tapi masa mula diwajibkan memang lama lah, sampai 1 tahun. Ia selalu sangkut di lapangan.”

P 1 (Z): 36 para 13

Biasanya proses permohonan pensijilan halal ini terhalang semasa audit di lapangan. Oleh itu kerjasama daripada pemohon atau pemilik remis adalah penting. Mesyuarat jawatankuasa pula perlu melibatkan 15 agensi kerajaan seperti wakil dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), jabatan mufti, jabatan kesihatan, pertanian, jabatan daerah, jabatan bandaran dan banyak lagi. BKMh sebagai wakil syarikat atau premis membentangkan dapatan dan

menjawab segala persoalan berbangkit. Mesyuarat berkaitan pensijilan halal pula dilakukan seminggu sekali atau sekurang-kurangnya tiga kali sebulan. Kelewatan juga dijangka berpunca daripada pihak MUIB sendiri.

“Daripada segi mesyuarat jawatan kuasa, sekarang dah kerap lah, seminggu sekali atau sekurang-kurangnya tiga kali sebulan. Yang lambat tu daripada Majlis. Paling laju pun sebulan sekali. Itu yang empat meeting dari jawatankuasa kena kumpul-kumpul baru meeting besar.”

P 1(Z):38 para 13

Permohonan pensijilan halal perlu menepati Kehendak-Kehendak Sijil Halal di bawah bab 4(1) dari Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 yang memperuntukkan seperti berikut:

Bagi maksud-maksud bab 3, mana-mana orang yang memiliki suatu perniagaan boleh memohon kepada Majlis bagi mendapatkan suatu sijil dalam borang dan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis.

(Kehendak-Kehendak Sijil Halal, Perintah Sijil Halal dan label Halal, 2005 muka surat 2)

Sebagaimana yang diperuntukkan dalam Garis Panduan bagi Pensijilan Halal muka surat 9, Majlis setelah menimbang dengan sewajarnya laporan Jawatankuasa dan setelah berpuas hati bahawa pemohon telah mematuhi semua prosedur dan keperluan halal dan setelah pembayaran dibuat, sijil Halal akan dikeluarkan kepada pemohon tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Majlis.

Pemohon perlu memohon permit untuk menggunakan Label Halal. Menurut perkara 4.1.2 Garis Panduan bagi Pensijilan Halal, pemohon juga dikehendaki membuat satu permohonan bagi setiap jenis produk makanan. Setiap syarikat atau premis yang memohon sijil halal dan label halal hendaklah mematuhi prosedur dan peraturan Halal seperti yang dinyatakan di Perintah Sijil Halal dan label Halal, 2005; Piawaian Brunei Darussalam untuk Makanan Halal PBD 24; 2007 dan BCG Halal 1.

Label Halal

Menurut Perkara 2.18 Garis Panduan Bagi Pensijilan Halal, Label Halal hendaklah bermakna bahawa makanan tersebut:

- a) bukan merupakan dan juga tidak terdiri atau mengandungi mana-mana bahagian atau bahan dari binatang yang dilarang oleh Hukum Syarak untuk dimakan oleh orang Islam atau yang tidak disembelih menurut Hukum Syarak;
- b) tidak mengandungi apa-apa jua yang dianggap najis menurut Hukum Syarak;
- c) telah disediakan menggunakan suatu alatan yang bebas dari apa-apa jua yang dianggap najis menurut Hukum Syarak;
- d) semasa menyediakan atau menyimpan, tidak bersentuhan atau berdekatan dengan sebarang makanan yang gagal memenuhi perenggan a), b) atau c) atau apa-apa jua yang dianggap najis menurut Hukum Syarak.

“Ini logo kedua. Kalau dulu bulat. Setiap syarikat akan diberi garis panduan sama dengan buku biru. Kalau di Brunei nak cetak tak boleh black and white. Kena warna. Jadi adalah rungutan setengah syarikat sebab logo ni tak boleh cetak pada tin. Mereka

cakap susah sebab mereka kerana kerja. Sapa nak tampil kan? Logo baru ni mula pakai 2008.”

P 1 (Z): 42 para 19

Label halal ini mulai diguna pakai pada tahun 2008. Setiap syarikat atau premis akan diberikan garis panduan bagaimana mencetak logo atau label ini pada produk. Namun terdapat rungutan daripada sesetengah syarikat yang mengadu bahawa logo ini sukar dicetak pada permukaan tin. Oleh itu kerja menampal diperlukan yang dianggap leceh dan menyukarkan.



Rajah 1: Label Halal di bawah Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005

Logo halal bagi daging dikenakan bayaran dengan caj sebanyak 2 sen bagi satu stiker. Di bawah stiker tersebut terdapat kod syarikat yang dicetak oleh syarikat itu sendiri. Kod syarikat itu menunjukkan A: daging beku, B: Daging proses dan C: Daging tempatan.

Pemantauan dan Penguatkuasaan

Pemantauan dilakukan berdasarkan pada aduan. Jika terdapat sebarang aduan, maka serbuan akan dilakukan.

“Kalau dari segi pemantauan, selama ni berpandu kepada aduan lah. Kalau ada aduan memang direct kita terus serbu”

P 1(Z): 13 para 9

Perancangan pemantauan setiap 6 bulan sedang dirangka dengan mengeluarkan struktur baharu melibatkan organisasi dalam BKMH bagi menjalankan penyiasatan dan sebagainya.

“Ada rancanglah juga dalam tempoh 6 bulan. Tapi, tahun lepas oleh kerana baru diwujudkan jadi kita tak ada masa nak pantau. Memang dalam 2014 tu atau setahun tu kita memang audit je. Memang ada lah rancangan nak buat pemantauan. Setakat ni ikut aduan jelah. “

P 1(Z): 15 para 9

BKMH menerima tiga aduan secara purata dalam tempoh sebulan yang kebanyakannya melibatkan isu kebersihan.

“Kadang-kadang pengadu mengadu masa mereka jalan kat belakang restoran, mereka nampak tikus , botol lada tu kotor macam dua tiga bulan tak cuci, nampak pekerja cuci periuk pakai penyapu.. Ada tu mereka nampak ayam mentah macam dilambakkan.. betul ke disembelih, atau dari pusat penyembelihan yang diiktiraf ke.”

P 1(Z): 18 para 9

Pemantauan yang dijalankan perlu melibatkan penyelia yang dilantik sebelum ini.

“Jadi kita kalau buat pemantauan memang kita carilah dua orang tu, person in charge. Kita tak cari owner dia.”

P 1(Z): 22 para 10

Peranan sebagai penyelia yang telah dijelaskan sebelum ini dalam Garis Panduan Sijil Halal dan Label Halal, 2005 perlu dipenuhi bagi membantu usaha pemantauan dan seterusnya penguatkuasaan.

Pemantauan dan Penguatkuasaan

Setakat ini belum terdapat laman sesawang yang membolehkan pengguna mengakses maklumat berkaitan status halal sesuatu produk atau sesebuah premis makanan. Pengguna perlu menghantar e-mel kepada pihak BKMJ atau menelefon sendiri untuk kepastian. Laman sosial seperti *facebook* sebagai medium boleh juga digunakan.

Adalah menjadi suatu kesalahan jika sekiranya perkataan dan logo halal dipaparkan tanpa melalui prosedur yang ditetapkan. Denda sebanyak Dolar Brunei 8000 atau penjara atau kedua-duanya sekali akan dikenakan. Pemantauan dan pengesahan akan dilakukan jika sekiranya restoran bukan makanan orang Islam turut ingin memohon pensijilan halal. Audit seperti biasa akan dilakukan.

“Ni kesalahan kalau siapa yang pakai gunakan perkataan halal tu memang satu kesalahan, apalagi kalau dia pakai logo tu, kena denda 8000 dolar Brunei. Atau penjara atau dua-dua sekali lah. Kalau kat sini macam restoran kan sebelum dia mohon sijil halal, restoran yang bukan makanan orang Islam, dia nak apply halal, biasanya kita buat penyiasatan dulu. Then baru kita adakan audit.”

P 1(Z): 41 para 17

Denda atau tindakan premis ditutup adalah langkah penguatkuasaan yang boleh dikenakan jika peraturan yang telah ditetapkan ini tidak dipatuhi.

“Dalam sebulan tu adalah tiga aduan. Kebanyakan aduan daripada segi kebersihan lah.”

P 1(Z): 16 para 9

Pernah berlaku isu klon atau ciplak sijil halal namun masalah ini boleh dikesan kerana MUIB sememangnya mempunyai senarai syarikat yang berdaftar dan tidak berdaftar bagi pensijilan halal.

Pengesahan sijil halal bagi premis makanan franchise seperti Burger King di Brunei perlu mengambil kira status halal bekalan daging mentah dari pusat penyembelihan yang diiktiraf. Walaupun kilang tetap berada di Malaysia tetapi proses penyembelihan perlu diiktiraf dan diaudit oleh juruaudit Brunei ke Malaysia.

“Jadi kalau daging ayam nak masuk ke Brunei mestilah hantar ke pegawai penyembelihan, jadi dialah yang pantau. Dari mula penyembelihan sampai masuk ke kontena.”

P 1 (Z): 47 para 22

Penyembelihan secara langsung dengan menggunakan pisau yang tajam atau mematuhi syarat penyembelihan perlu dipatuhi. Ayam yang dibawa masuk ke Brunei mestilah dihantar kepada pegawai penyembelihan yang memantau dari mula penyembelihan sehingga masuk ke dalam kontena. Kakitangan ini juga perlu melawat pusat penyembelihan di luar negara. Kekangan jumlah kakitangan yang bertanggungjawab memantau dihadapi oleh BKMJ dan ini mengundang masalah pemantauan dan penguatkuasaan yang sempurna.

“Macam dulu dia tak kisah sangat kan. Tapi sekarang kalau tak ada sijil halal dia ada denda. Mungkin premis ditutup atau dilabel sebagai premis bukan Islam walaupun pemilik dia Islam.”

P 1(Z): 9 para 6

Premis yang didapati tidak patuh kepada prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan adalah amat serius. Tindakan penguatkuasaan yang tegas juga setimpal dengan jenis ketidakpatuhan. Walaupun cabaran tentang isu halal tempatan tidak banyak namun cabaran di luar negara atau di peringkat global sebahagian besar melibatkan produk import yang tiada sijil halal. Ia pula kebanyakannya digunakan di restoran-restoran. Jadi kekangan masa untuk menganalisis setiap perincian bahan kerana kemasukan barang ini tertakluk di bawah kawalan Kementerian Kesihatan Brunei dan bukan kawalan BKM sendiri. Produk kosmetik sendiri sudah mula mendapatkan sijil halal.

Terdapat enam buah pusat penyembelihan yang diiktiraf oleh MUIB di United Kingdom untuk tujuan makanan proses. Ia dikawal selia oleh Wafirah tetapi dibiayai penuh oleh kerajaan.

Cabaran Industri Halal di Brunei Darussalam

Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang kecil dan majoriti penduduknya adalah beragama Islam. Oleh itu cabaran yang dihadapi berkaitan isu halal di Brunei adalah agak rendah berbanding negara lain khususnya di Asia Tenggara. Kajian tentang tahap kefahaman masyarakat di Brunei juga kurang. Hanya ada beberapa kajian yang dijalankan oleh beberapa orang pelajar dari Universiti Brunei Darussalam dan universiti dari luar negara.

“Tak ada. Cuma ada kajian melalui student UBD di sini. Tahu macam mana. Adalah dapatan kajian tu. Kadang-kadang nak pilih halal tu ikut kita kan. Kita tak boleh paksa orang tu”

P 1 (Z): 11 para 8

Terdapat isu klon atau ciplak sijil namun masalah ini boleh dikesan kerana MUIB mempunyai senarai lengkap syarikat yang berdaftar dan sebaliknya bagi pensijilan halal. Namun Brunei sebagai negara yang kecil masih mampu mengawal masalah ini. Contohnya minuman beralkohol sememangnya diharamkan berada di hotel atau restoran melainkan jika sekiranya ia diseludup secara haram.

Walaupun cabaran tentang isu halal tempatan adalah kurang namun cabaran di luar negara atau di peringkat global yang sebahagian besarnya melibatkan produk import yang tiada sijil halal. Bahan ini pula kebanyakannya digunakan secara meluas di restoran-restoran. Namun kekangan masa dihadapi oleh juruaudit untuk menganalisis setiap perincian bahan. Ini ditambah lagi dengan kawalan ke atas kemasukan bahan ini adalah tertakluk di bawah kawalan Kementerian Kesihatan Brunei dan bukan kawalan BKM sendiri.

Rumusan

1. Kefahaman masyarakat Islam di Brunei tentang halal tidak diketahui secara menyeluruh disebabkan oleh kurangnya kajian berkaitannya dilakukan oleh penyelidik tempatan.
2. Pematuhan terhadap pensijilan halal di Brunei menjadi lebih berkesan apabila ia turut melibatkan pelantikan penyelia yang bertanggungjawab membantu usaha pemantauan. Brunei sepatutnya dicontohi daripada segi pelaksanaan prosedur pensijilan halal apabila mewajibkan pelantikan penyelia yang mematuhi syarat yang telah ditetapkan.
3. Isu penyembelihan binatang amat dititikberatkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei apabila setiap perincian berkaitan penyembelihan dinyatakan dalam buku garis panduan bagi Pensijilan Halal.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah salah satu hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) Fasa 1, 2015; Geran Penyelidikan Primer (GPP), Kolej Universiti Islam Selangor.

Rujukan

The Religious Council Brunei Darussalam (2007). *Guideline for Halal Certification*. First Edition

Terima kasih kepada Puan Zurina dari Bahagian Kawalan Makanan Halal yang sudi ditemu bual semasa lawatan kami ke Majlis Agama Islam Brunei Darussalam pada 27 Julai 2015.